



**SIDANG MEDIA**  
**BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2021**  
**Hari Rabu, 1 Disember 2021**

---

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sukacita ingin memaklumkan bahawa Acara Brunei December Festival kali ke-5 akan diadakan bermula hari ini, 1hb Disember hingga 31hb Disember 2021.
2. Acara ini merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta; perwakilan asing serta syarikat-syarikat pengurus acara tempatan.
3. Adapun objektif utama Brunei December Festival ini diadakan adalah untuk **menggalakkan rakyat dan orang ramai bercuti dalam Negara dan mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pelancongan.** Ianya juga bertujuan untuk **menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang musim cuti persekolahan pada bulan Disember kepada penduduk tempatan** untuk bergiat aktif di dalam negara.

4. Mengambil kira situasi Pandemik Covid-19 yang sedang melanda Negara ketika ini, maka penganjuran Brunei December Festival tahun ini akan lebih menumpukan kepada acara dan aktiviti yang dapat dilaksanakan secara **VIRTUAL**. Manakala acara-acara fizikal adalah tertakluk kepada Garispanduan dan SOPs yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
  
5. Alhamdulillah, sebanyak **50** acara akan diadakan yang mana **42** daripadanya adalah virtual dan **8** adalah acara berbentuk fizikal. Kesemuanya meliputi acara-acara Islamik; kebudayaan dan kesenian; makanan dan kulinari; sukan, rekreasi dan pengembaraan; membeli-belah dan satu kategori baru iaitu teknologi digital dan ICT.
  
6. Beberapa acara virtual yang akan diadakan adalah seperti "*Virtual Hockey Clinic; 5th Brunei Film Blitz; The Tiny Lit Fest; Diskusi Komik; Virtual Cooking Class; Online Shopping; E-Sports Competition dan Coding Conquest Hackaton*". Manakala acara-acara fizikal pula adalah seperti "Bengkel Penulisan Jawi dan Ekspo Kaligrafi di Pengajian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Costume Run; dan Onecity Expo 2021."

7. Bagi acara-acara yang berbentuk fizikal, para penganjur acara dan orang ramai khususnya para pengunjung dan peserta adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-berhati dan mematuhi SOPs dan Garispanduan Fasa Peralihan Covid 19, antaranya seperti berikut:

- i. Memastikan hanya pengunjung / peserta yang mempunyai kod Bruhealth hijau dan kuning dibenarkan masuk;
- ii. Memastikan pengunjung / peserta telah menerima dos vaksinasi yang lengkap;
- iii. Menjalankan pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk;
- iv. Memastikan pemakaian sungkup muka dengan betul
- v. Menyediakan cecair disinfeksi atau *hand sanitizer*;
- vi. Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurang 1.5 meter;
- vii. Bagi kawasan tertutup, hendaklah memastikan pengudaraan yang mencukupi; dan

Memastikan kapasiti tidak melebihi 50% atau tidak melebihi 200 orang pada satu-satu masa.

8. Jabatan Kemajuan Pelancongan juga akan secara berterusan memantau dan akan membuat pemeriksaan ke lokasi dan premis bagi acara-acara fizikal tersebut bagi memastikan pematuhan kepada SOPs dan Garispanduan Kementerian Kesihatan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
  
9. Bagi maklumat lanjut mengenai acara Brunei December Festival bolehlah melayari laman sesawang atau sosial media Brunei December Festival 2021 sepertimana yang tertera di skrin.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Pelancongan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan